

Pengajaran dan penyampaian yang berkesan

UB 05.10.2012 B4



MINDA PENDIDIK

MUHAMAD SUHAIMI TAAT

Bersama, Mohd Yusof Abdullah,
Baharom Mohamad, Roslee Talip,
Abdul Said Amotang dan Shukri Zain

PENGAJARAN adalah satu proses penyampaian ilmu pengetahuan, maklumat, dan kemahiran kepada pelajar. Berkesan pula adalah sesuatu yang memberikan impak. Justeru pengajaran berkesan bolehlah dijelaskan sebagai satu pengajaran yang

berupaya mencapai hasil pembelajaran atau objektif yang telah dirancang atau setidak-tidaknya dapat memberikan kefahaman kepada pelajar. Terdapat beberapa ciri pengajaran dan penyampaian guru berkesan yang boleh memudahkan pelajar berfikir dan memahami isi pelajaran yang disampaikan. Antara ciri-ciri tersebut ialah kejelasan dan ketepatan bahasa, penyoalan, rangsangan, galakan, penglibatan, maklum balas, rumusan, dan penilaian.

Dalam menyampaikan pengajaran, banyak ahli pendidik mencadangkan supaya guru membuat sorotan bahan yang telah dipelajari dalam pelajaran sebelumnya dan merumus kandungan isi pelajaran baru, memberi penerangan jelas tentang konsep dan kosa kata utama serta menyusun pelajaran ke dalam urutan ringkas dan pendek dengan mengintegrasikan aktiviti. Guru perlu juga melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran, menggalakkan pelajar belajar secara bebas dan memantau proses pembelajaran sendiri serta menyediakan pelajar dengan pengalaman pembelajaran yang membolehkan mereka menghubungkan pembelajaran di bilik darjah dengan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian. Tugasan yang disediakan perlu mengandungi bahan mudah dan sukar serta integrasi antara pengetahuan lama dan baru. Guru juga perlu menyediakan prosedur pengukuran dan pemantauan berterusan, pengajaran pembetulan dan pemulihan bagi pelajar yang tidak dapat menguasai pengajaran asas dan program pengayaan bagi pelajar yang dapat menguasainya serta menggunakan alat dan bahan bantu mengajar.

Terdapat sepuluh tingkah laku guru yang mempunyai hubungan dengan prestasi pelajar. Beliau telah mengkategorikan tingkah laku ini kepada dua kategori, iaitu tingkah laku utama dan tingkah laku pembantu. Lima tingkah laku utama tersebut ialah kejelasan pelajaran, kepelbagaian pengajaran, orientasi tugas, penglibatan dalam proses pembelajaran, dan kejayaan pelajar. Lima tingkah laku pembantu pula ialah menggunakan idea dan sumbangan pelajar, penstrukturan, penyoalan, 'probing' dan respons guru. Selain itu, terdapat tujuh kemahiran mengajar yang penting dalam membantu pelajar belajar iaitu mewujudkan set, menggunakan kepelbagaian, menggunakan masa pengajaran secara optimum, menggunakan soalan, menyediakan pengajaran yang jelas, memantau kemajuan pelajar dan menyediakan maklum balas dan pengukuhan. Kemudiannya telah mengelompokkan tujuh kemahiran ini ke dalam empat bidang utama, iaitu memfokuskan dan mendapatkan perhatian pelajar, menggunakan masa pengajaran secara berkesan, menjalankan pengajaran interaktif dan menyediakan maklum balas dan pengukuhan.

Penyampaian pengajaran berkualiti menekankan pengajaran yang dicirikan oleh persembahan yang koheren dan bahan yang berurutan, peluang mencukupi bagi penglibatan pelajar dalam latihan bersepadu, penggunaan pengukuran yang kerap dan berkala serta maklum balas konstruktif kepada pelajar. Guru juga hendaklah menggunakan kaedah yang berkesan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Guru seharusnya dapat membezakan antara strategi, pendekatan, kaedah, dan juga teknik kerana terdapat kekeliruan maksud dan fungsi istilah-istilah tersebut. Umumnya strategi terbahagi kepada tiga iaitu berpusatkan guru, berpusatkan pelajar, dan berpusatkan bahan. Pendekatan pula ialah cara mendekati sesuatu mata pelajaran iaitu cara bagaimana suatu mata pelajaran diajar berdasarkan objektifnya. Kaedah pula ialah satu siri tindakan yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran dalam jangka masa pendek. Kaedah mengajar ialah cara mendekati sesuatu objektif pelajaran dengan langkah penyampaian yang tersusun. Manakala teknik pula ialah kemahiran guru dalam pengelolaan dan pelaksanaan kaedah mengajar dalam sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Sekiranya seorang guru mengajar bahasa dengan menggunakan alat-alat komunikasi canggih dalam makmal bahasa, maka itu satu teknik.

Al-Kailany dan Iyad (1986) menyenaraikan sedikit panduan kepada guru sebelum mengaplikasikan sesuatu kaedah pengajaran, antaranya ialah; kaedah mestilah sepadan dengan tujuan dan matlamat pelajaran, kaedah mesti sejajar dengan objektif pelajaran yang hendak dicapai, kaedah juga haruslah sesuai dengan tabiat pelajaran yang diajar, kaedah mesti sepadan atau setara dengan umur pelajar, kaedah itu mestilah yang boleh atau mampu diaplikasikan oleh guru, mempunyai masa yang cukup untuk mengaplikasikan kaedah berkenaan, kaedah yang dipilih mestilah sesuai dengan kemudahan yang ada. Guru hendaklah memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman pelajar yang diajar, malah yang memberi kesan kepada jiwa dan menyentuh perasaan pelajar. Dengan cara ini pelajar akan memberi tumpuan yang padu dan dapat mengingat pelajaran dengan lebih cepat dan bertahan lebih lama. Untuk mencapai hasrat ini guru haruslah pandai memilih pendekatan yang sesuai dan teknik yang menarik dan ditambah pula dengan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai lagi menarik.

Proses pengajaran yang berkesan ialah yang mempunyai langkah-langkah dan strategi yang tersusun serta objektif yang tepat dan boleh dicapai. Di samping itu, matlamat yang hendak dituju juga mestilah terang dan jelas. Aplikasi strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai adalah sangat penting dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Miller (1990) mencadangkan bahawa setiap proses pengajaran harus terlebih dahulu disediakan rancangannya dan dalam rancangan pengajaran ini harus mempunyai perkara-perkara berikut, iaitu: Tujuan am (learning goal), objektif pelajar (specific objective), langkah-langkah pengajaran yang mengandungi aktiviti-aktiviti tertentu untuk menolong pelajar mencapai objektif pelajaran, perlu ada mekanisme untuk memantau kemajuan pelajar, dan akhir sekali perlu kepada penilaian (sumative evaluation) untuk mengukur pencapaian pelajar.

Oleh itu, guru haruslah merancang proses pengajarannya dengan cukup rapi sebelum memasuki kelas. Ini termasuklah strategi pengajaran yang merangkumi isi kandungan, objektif yang hendak dicapai, pendekatan, kaedah dan teknik penyampaian, BBM yang sesuai dan penilaian yang akan dijalankan. Demikian juga dengan istilah guru berkesan (effective teacher). Ia bukan sahaja memberi kesan dalam bidang pelajaran yang diajar, mudah faham dan diminati oleh pelajar, tetapi yang boleh menjadi contoh kepada pelajar dari segala aspek personaliti, kerana personaliti guru mempengaruhi sikap pelajar. Ini termasuklah gaya bercakap, kekemasan berpakaian, penghayatan nilai agama (Islam/ Moral), penjagaan masa pengajaran (engagement time), ketepatan masa dalam setiap urusan, keadilan dalam layanan dan sebagainya. Kesemua ini akan mencerminkan ciri-ciri guru yang cekap dan berkesan.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.